

# Perlindungan spesies ikan yu, Hammerhead diperketat

BH 19/11/2022 M.S: 30

**Panama City:** Sidang kemuncak global hidupan liar di Panama mengambil langkah penting dengan meningkatkan perlindungan terhadap ikan yu yang diburu untuk mendapatkan siripnya.

Sirip ikan yu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penduduk Asia terutama golongan berbangsa Cina, kerana ia digunakan dalam pembuatan sup dan bagi menunjukkan simbol status kerana harga yang mahal.

Sebuah jawatankuasa meng-

undi bagi meluluskan cadangan untuk memasukkan ikan yu atau jerung Requiem dan Hammerhead pada Lampiran II Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES).

Lampiran itu menyenaraikan spesies yang belum terancam kepupusan, namun berdepan kemungkinan itu, kecuali perdagangannya dikawal rapi.

Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar (WCS), yang menyokong kemasukan jerung ke da-

lam lampiran itu, berkata jerung Requiem menyumbang sekurang-kurangnya 70 peratus perdagangan sirip.

## Krisis kepupusan jerung

Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar, Luke Warwick, berkata dunia kini berada di tengah-tengah krisis kepupusan jerung.

Katanya, jerung adalah penting kepada ekosistem lautan, namun menjadi 'kumpulan vertebrata kedua paling terancam di

planet ini'.

Sirip ikan yu yang mewakili pasaran kira-kira AS\$500 juta (RM2.3 bilion) setahun boleh dijual pada harga kira-kira AS\$1,000 (RM4,554) sekilogram di Asia Timur digunakan dalam makanan istimewa, sup sirip ikan yu.

Keluarga jerung Requiem termasuk spesies seperti jerung harimau, jerung sutera dan jerung terumbu kelabu.

Sebelum perhimpunan CITES di Panama City, ikan pari air

tawar dan pari gitar, antara spesies yang dimasukkan dalam Lampiran II.

Persidangan itu juga sedang mempertimbangkan 52 cadangan untuk meminda tahap perlindungan bagi spesies lain termasuk buaya, biawak, ular, penyu air tawar dan beberapa tumbuhan dan pokok.

Keputusan muktamad akan diambil pada mesyuarat penutup persidangan CITES (COP-19) pada 25 November ini. AFP